

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN KASTHURIRAANI A/P PATTO
[BATU KAWAN]**

RUJUKAN : 7662

SOALAN:

**PuanKasthuriraani a/p Patto[BatuKawan] mintaMENTERI DALAM
NEGERI menyatakan :-**

(a) bagaimana PDRM memberi perlindungan saksi atau sokongan bagi mangsa rogol atau mangsa keganasan rumahtangga dari peringkat permulaan hingga akhir proses perbicaraan; dan

(b) bilangan kes yang telah dikendalikan sepenuhnya oleh PDRM serta jenis sokongan yang telah diberikan mengikut negeri dari tahun 2008 hingga kini.

JAWAPAN:

Bagi menjawab soalan (a), dalam siasatan kes yang melibatkan mangsa rogol atau mangsa keganasan rumahtangga, PDRM mengambil pendekatan mengikut Konvensyen Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita atau *Convention on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women (CEDAW)* yang diluluskan oleh Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 18 Disember 1979 dan berkuatkuasa mulai 3 September 1981 bagi menghapuskan sebarang diskriminasi dan keganasan terhadap wanita.

Bagi tujuan memberi perlindungan kepada mangsa rogol, PDRM telah mewujudkan perkhidmatan *Triaj* di balai-balai polis. Kemudahan yang disediakan ini adalah untuk memberikan *privacy* bagi menenteramkan mangsa sekiranya berada dalam keadaan trauma dan tidak mendedahkan mangsa kepada umum bagi menjaga maruahnya. Pegawai Penyiasat Khas dari Bahagian Seksual, Wanita dan Kanak-Kanak (D11) akan mengendalikan siasatan daripada awal sehingga selesai siasatan dibuat. Sekiranya keadaan mangsa masih trauma, mereka akan dirujuk ke *Victim Care Centre (VCC)* untuk Pegawai Psikologi memulihkan mangsa dan ahli keluarga melalui perkhidmatan runding cara dan kaunseling.

Bagi siasatan berhubung kesalahan keganasan rumah tangga yang diterima oleh polis atau melalui Pegawai Kebajikan, maka Perintah Perlindungan Interim (IPO) boleh dikeluarkan oleh Mahkamah sementara menunggu pihak polis menjalankan penyiasatan untuk